

AKNC 2006

 PENILAIAN PENGURUSAN PTAR SEMPERNA
AKNC UTM 2006


oleh Junaida Kamarudin



Pada 4 dan 5 September 2006, PTAR telah menerima lawatan dari panel penilai Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2006. Ini merupakan satu pencapaian kepada PTAR kerana telah terpilih sebagai salah satu jabatan di UiTM yang memasuki pusingan kedua AKNC pada tahun ini. Panel penilai terdiri daripada En. San Ahmad Abu Zarin sebagai ketua penilai, Pn Lailatul Faizah Abu Hassan, Pn Che Aminah Jaafar dan Dr. Norhati Ibrahim. Turut serta ialah Moderator InQKA iaitu Prof Madya Dr. Rahmah Mohd Rashid, Prof Madya Dr. Norasfah Hanim Yaakob Yahaya Al Haj dan Prof Madya Rosmawati Abd Halim.

Selain PTAR, Fakulti Perakaunan, Pejabat Bendahari dan UiTM Sarawak turut terpilih ke pusingan akhir AKNC. Sejarah pencapaian PTAR dalam AKNC bermula pada tahun 2004 dimana PTAR telah menerima Anugerah Kepastian Kualiti Output dan diikuti pada tahun 2005, PTAR menerima Anugerah Penggunaan Maklumat dan Analisis.

Penyertaan PTAR dalam AKNC pada tahun ini amat bermakna kerana ini membuktikan bahawa PTAR yakin dengan usaha-usaha peningkatan

kualiti yang dijalankan dan bersedia untuk dinilai oleh para panel. PTAR sedaya upaya cuba untuk memenuhi kesemua 8 (lapan) kriteria penilaian pencapaian cemerlang yang telah ditetapkan oleh InQKA berdasarkan Malcolm Baldrige – Education Criteria for Performance Excellence. Jawatankuasa penyediaan laporan telah berjaya menghasilkan satu Laporan Penilaian Pengurusan PTAR yang lengkap. Ini diikuti dengan penyediaan dokumen dokumen penting oleh semua bahagian bagi menyokong proses penilaian tersebut.

Melalui AKNC, PTAR juga telah dapat mewujudkan budaya perkongsian ilmu pengetahuan dan maklumat mengenai amalan-amalan terbaik perpustakaan di Shah Alam dan juga perpustakaan - perpustakaan Cawangan. Laporan yang dihasilkan telah dimuatkan didalam Sistem Pengurusan Pengetahuan Dokumen Memori Korporat (Modul Enterprise Knowledge Management System) supaya dapat dikongsi bersama.

Maklumat InfoPinTAR

Info PinTAR merupakan buletin rasmi Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA.

Buletin ini diterbitkan tiga kali setahun bertujuan menjadi perantara warga PTAR dengan seluruh pelanggannya.

Penerbitan buletin ini diharap akan menjadi satu alat dalam mempromosikan perkhidmatan perpustakaan kepada pelanggan dalaman dan luaran.

Info PinTAR mengalu-alukan sumbangan artikel ilmiah dari warga PTAR dan seluruh cawangannya. Pihak InfoPinTAR tidak bertanggungjawab di atas semua pendapat penulis.

Menarik di dalam :

Dari Meja Ketua Pustakawan
- **mukasurat 2**

Fokus Bulan Ini
Pameran Kualiti
- **mukasurat 3**

Pameran Harta Intelekt
IPTA & Pesta Buku UiTM
- **mukasurat 3**

Program "Pendidikan
& Kemerdekaan"
- **mukasurat 4**

Panduan Penggunaan
"Webfeat Express"
- **mukasurat 5 & 6**

Berita Bergambar PTAR
- **mukasurat 7**



DARI MEJA KETUA PUSTAKAWAN

Penyertaan PTAR dalam Anugerah Kualiti Naib Canselor pada tahun ini amat bermakna kerana ini membuktikan bahawa PTAR yakin dengan usaha-usaha peningkatan kualiti yang dijalankan serta telah bersiap sedia untuk dinilai oleh para panel penilai.

Assalamualaikum

dan Selamat Sejahtera.....

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadirat ALLAH SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita bertemu kembali menerusi Buletin Info Pintar Bilangan 3/2006.

Bersempena dengan sambutan ke-50 Tahun penubuhan UiTM adalah penting dalam memahami serta mengamalkan aspek-aspek kualiti dari segi sikap, nilai dan cara kita bekerja. Selaras dengan saranan Y.Bhg Dato Seri Prof Dr. Ibrahim Abu Shah Naib Canselor UiTM yang menyeru warga UiTM akan kepentingan menjaga kualiti melalui sifat-sifat positif serta menghindari sikap-sikap yang memba-

wa kerugian kepada organisasi. Justeru itu, bagi menyahut saranan tersebut, warga PTAR amat mementingkan kecemerlangan kualiti dari pelbagai aspek bagi memastikan para pelanggan mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang cekap dan tepat.

Penyertaan PTAR dalam Anugerah Kualiti Naib Canselor pada tahun ini amat bermakna kerana ini membuktikan bahawa PTAR yakin dengan usaha-usaha peningkatan kualiti yang dijalankan serta telah bersiap sedia untuk dinilai oleh para panel penilai. PTAR sedar masih terdapat ruang yang perlu diperbaiki dan dipertingkatkan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik bertaraf dunia, namun PTAR yakin amalan yang dibentuk dan dipraktikkan pada masa sekarang adalah dengan sasaran

untuk menjadi antara perpustakaan yang bertaraf dunia.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada pihak pengurusan UiTM di atas sokongan seta kerjasama yang telah diberikan. Tidak dilupakan kepada para pengguna serta pengunjung PTAR. Warga PTAR berjanji akan terus bekerja dengan lebih komited selaras dengan tagline kami "PTAR@Your Service".

FOKUS BULAN INI: Pameran Kecemerlangan Kualiti

oleh: Pn Norhamimi



Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) merupakan suatu pengiktirafan dan penghargaan tertinggi UiTM yang diberikan khusus kepada bahagian yang mencapai tahap pengurusan kualiti paling cemerlang. Justeru itu, suatu pameran khas telah dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) bersempena dengan AKNC. Pameran bertemakan Kecemerlangan Kualiti tersebut diadakan di Galeri PTAR bermula daripada 1 hingga 30 September 2006.

Antara bahan-bahan yang dipamerkan adalah berkenaan organisasi, amalan kualiti, dokumen kualiti, sijil, rekod kualiti, gambar foto dan piala-piala kualiti yang telah dimenangi oleh PTAR. Melalui Pameran Kecemerlangan Kualiti tersebut, PTAR turut memberi publisiti tentang strategi-strategi kualiti yang telah berjaya dilaksanakan oleh PTAR.

Melalui pameran yang dianjurkan, pelawat Galeri PTAR turut didedahkan dengan amalan pengurusan kualiti PTAR. Antara amalan pengurusan kualiti di PTAR adalah:

1. Kepimpinan Dalam Pengurusan Kualiti
2. Pengurusan Maklumat dan Analisis Dalam Usahasama Kualiti
3. Proses Perancangan Strategik
4. Pengurusan Sumber Tenaga Manusia

5. Kejayaan Hasil Usaha-usaha Kualiti
6. Pengurusan Proses Perkhidmatan
7. Penumpuan Terhadap Pelanggan
8. Inovasi-inovasi Penting

Penyertaan dalam AKNC merupakan suatu lambang yang menunjukkan komitmen PTAR dalam memastikan segala tugas yang dijalankan adalah berkualiti tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan. Ia juga sejajar dengan moto PTAR iaitu "Kegirangan Pelanggan Keutamaan Kami".



Pameran Harta Intelek dan Pesta Buku UiTM

oleh Nurul Diana Jasni



Bersempena sambutan ulangtahun ke-50 penubuhan UiTM, Perpustakaan Tun Abdul Razak akan menganjurkan Pameran Harta Intelek IPTA di Galeri PTAR bermula 1 - 24 Ogos 2006. Pameran Harta Intelek IPTA ini mempamerkan karya penerbitan yang dihasilkan oleh IPTA seperti UKM, USM, UPM, KUITTHO, UPSI, UiTM, UUM, UM, KUIM, dan UNIMAS. Secara tidak langsung, pameran ini mampu mendorong serta mempromosikan penerbitan IPTA dan IPTS di seluruh Malaysia.

Di samping penganjuran pameran tersebut, turut diadakan Pesta Buku UiTM yang akan berlangsung pada 1 - 4 Ogos 2006, bertempat di Annex Dewan Sri Budiman, UiTM Shah Alam. Pesta Buku UiTM 2006 ini menampilkan 17 pembekal buku yang menempatkan sejumlah 25 ruang pameran. Antara pembekal buku yang mengambil bahagian adalah Rhythm, Pustaka Ilmiah, Arena Ilmu, Creative Enterprise, Media Publishing, Refined, Thomson, Far Read, Alaf 21, Koperasi UiTM, APD, Koperasi UM, Taylor's Francis, Pansing, UBSD, Pearson Malaysia dan Cellsius.

Dengan penganjuran pameran dan pesta buku ini, diharapkan para

pengunjung serta segenap lapisan warga UiTM dapat menghargai sumbangan ilmu serta penghasilan karya warga universiti seiring dengan misi utama UiTM untuk menjadi sebuah Universiti bertaraf dunia, ke arah kecemerlangan akademik yang berterusan.



Pameran Pendidikan dan Kemerdekaan

oleh : En Haron Wee Ah Boo



Program ini merupakan anjuran bersama diantara Pelajar - pelajar semester 04 Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat (Pengurusan Pusat Sumber Maklumat) IS223 dan Perpustakaan Tun Abdul Razak 1 (PTAR). Program ini juga turut mendapat kerjasama daripada anggota PALAPES dan juga Unit Kebudayaan UiTM Shah Alam.

Program ini dianjurkan bersempena dengan sambutan hari kemerdekaan ke-49 yang bakal disambut oleh rakyat Malaysia tidak lama lagi. Tema bagi program ini ialah 'Pendidikan dan Kemerdekaan' yang memfokuskan pendidikan serta penghayatan erti kemerdekaan kepada para pengunjung.



Disamping itu, terdapat beberapa aktiviti yang akan dijalankan bagi memeriahkan lagi program tersebut. Selaras dengan objektif penganjuran program, diharapkan usaha untuk menyemai semangat patriotisme dikalangan warga UiTM serta kepada para pengunjung yang hadir akan berjaya mencapai matlamatnya. Tidak dilupakan, semoga program ini turut berjaya memberikan kesedaran serta menghargai jasa dan pengorbanan pejuang-pejuang dahulu dalam mendapatkan kemerdekaan yang kita kecapai pada hari ini.



Bengkel Guru Kelantan

oleh : Pn Rohana



Bagian Perkhidmatan Maklumat, PTAR dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan Perpustakaan Kampus Kelantan telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Pusat Sumber Sekolah - Sekolah Menengah di Negeri Kelantan pada 23 - 25 Julai 2006.

Program ini telah dihadiri oleh guru-guru penyelaras Pusat Sumber Sekolah Menengah Negeri

Kelantan yang terpilih seramai seratus orang. Bengkel ini merupakan program khidmat masyarakat PTAR kepada masyarakat luar dan merupakan program berterusan kesemua negeri seluruh Malaysia. Bengkel kali ini telah dirasmikan oleh Dr. Azmi Setapa, pegawai khas kepada Menteri Pendidikan Tinggi, manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan Puan Hajah Paiza Idris.

Kertaskerja Bengkel telah dibentangkan oleh Kakitangan PTAR Shah Alam yang terdiri daripada Puan Rohana Mat Noor dengan kertaskerja berjudul Peranan Pusat

Sumber kearah Celik Maklumat, Puan Norasiah Md Husin membentangkan Asas Pengkatalogan dan Pengkelasan dan Puan Norhamimi Othman dengan tajuk Sumber rujukan Pusat Sumber : bahan bercetak dan bahan maya. En. Abd. Rashid Zakaria Pustakawan Kampus Kelantan membentangkan kertaskerja bertajuk ICT di Pusat Sumber dan Cik Nazura Mohamad dari Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kertaskerja bertajuk Intervensi pembacaan dan pelaksanaan program NILAM..





Webfeat Express di Perpustakaan UiTM

oleh : Hani Liza Norfin



Pelanggan Perpustakaan Universiti Teknologi Mara kini boleh menikmati kemudahan pencarian "online article" yang merentasi Pangkalan Data Dalam Talian (PDDT) langganan perpustakaan melalui Webfeat Express.


WebFeat menggabungkan enjin pencarian yang membolehkan anda mencari pelbagai pangkalan data secara serentak. Pencarian ini hampir sama dengan pencarian Google dimana ia membolehkan anda melayari web secara menyeluruh. WebFeat membolehkan anda untuk mengakses ke semua pangkalan data PTAR secara praktikal bagi bahan-bahan seperti majalah, suratkhbar, artikel Jurnal Ilmiah, buku dan lain-lain.

Bagaimana cara untuk mengakses WebFeat?


Untuk menggunakan WebFeat Express, pelanggan dikehendaki melayari laman web PTAR di alamat "http://www.uitm.library.edu.my"

Cara yang paling mudah untuk mengakses WebFeat ialah dengan memilih "online database" yang terdapat dalam Portal PTAR.

Seterusnya, klik ikon WebFeat Express untuk mengakses terus ke WebFeat.




1



2

Paparan "Webfeat Page" & senarai judul PDDT yang dilanggan

- Anda boleh membuat carian melalui Keyword, Title, Author, Abstract atau Subject pada "Search box" yang disediakan.
- Pilih dan tandakan / sekurang-kurangnya bagi dua judul pangkalan data yang bersesuaian dengan tajuk yang dicari.



3



You searched: Title = "Knowledge management" AND Subject = "Library"

Quick Search
Enter search term:
knowledge managemt / Keyword
Choose a category:
Last Selected Category
 Full-text articles
Search
Advanced Search

Academic Search™ Premier
Results 1 to 6 of 6
 Select or Deselect all

1. **XML: THE BREA OF THE KNOWLEDGE MANAGEMENT EVOLUTION.**
Hayes, Jan; Stot, Christine; Tortorella, Dawnne | Computers in Libraries | 2005-0125:1, | 1(06) | ISSN: 10417915 | DOCUMENT markup languages; ORANTS-in-4d LIBRARIES; STATE libraries; TEXT processing (Computer science); XML (Document markup language) | Description: AN: 15289122 This article gives details on the cooperative Knowledge Management Project instituted by the Illinois State Library for the North Suburban Library System, the Lincoln Trails Library System, and the Northern Illinois Library System as of January 2005. The purpose of the state library's grant was to emphasize the common work that the systems do to serve all the libraries by creating a prototype of a knowledgebase to share common documents and the collective wisdom of the staffs in the system. The team handling the project knew that extensible markup language (XML) would be the key building block of their knowledge management life-form. And it is certainly evident that XML skills in libraries will be a factor in the survival of the fittest. The team had to unravel the DNA-like codes to understand how to embrace their similarities and appreciate their differences without sacrificing their individual ways of doing business. Early in the project it became apparent that they had established the chain between reality and vision in their implementation strategy to create a searchable repository of XML documents. XML, by itself doesn't do anything, although it is undoubtedly the most promising standard for information storage and interchange. Storing data in XML format is easy; being able to update, search, and display that information proved to be the technical challenge.

2. **The Virtual Haval Hospital: the digital library as a knowledge management tool for remote health care.**
D'Alessandro, Richard P.; D'Alessandro, Donna M.; Bakalar, Captain Richard S.; Ashley,

3. **Josep Laporte Library Foundation: a model of knowledge management in the life and health sciences.**
Jowell, Albert J. | Health Information & Libraries Journal | 2002-0919:3, | 176(5) | ISSN: 14711834 | ENDOWMENTS; LIBRARIES; SPAIN | Description: AN: 7847318 Discusses the strategic plan of the Josep Laporte Library Foundation (JLLF) in Spain. Support for medical libraries; Knowledge management; Principles of JLLF.

4. **KNOWLEDGE MAAIAGEEMIT benefits of intranets.**
Guenther, Kim; Braun, Ellen | Online | 2001-0625:3, | 16(5) | ISSN: 01465422 | LIBRARIES; INTRANETS (Computer networks); KNOWLEDGE management | Description: AN: 5034546 Discusses the usefulness of an intranet as the basis for knowledge management. Basis for intranet approaches to sharing knowledge; Disadvantages of the first generation intranet; Role of the intranet in providing a fabric for sharing and collaboration based on a central repository that acts as an authoritative source of organizational knowledge; Potential of libraries as a model of a knowledge sharing organization.

5. **Knowledge Management in the Library--Hot.**
Perez, Ernest | Database Magazine | 1999-0522:2, | 75(4) | ISSN: 01624105 | COMPUTER software; INFORMATION services; LIBRARIES; KNOWLEDGE management | Description: AN: 2681744 Focuses on the knowledge management in the library. What knowledge management is; Information on Request, a library management application of Itasca College Library in New York; Information Dispatch system of the Multnomah County Public Library in Portland, Oregon.

- 1. Paparan sebahagian "Search Result" + Abstrak dari pada Pangkalan Data Academic Search Premier
- 2. Paparan "hits" bagi setiap pangkalan data
- 3. Klik pada butang "View PDF" untuk melihat Artikel Teks Penuh

4. **Josep Laporte Library Foundation: a model of knowledge management in the life and health sciences.**
Jowell, Albert J. | Health Information & Libraries Journal | 2002-0919:3, | 176(5) | ISSN: 14711834 | ENDOWMENTS; LIBRARIES; SPAIN | Description: AN: 7847318 Discusses the strategic plan of the Josep Laporte Library Foundation (JLLF) in Spain. Support for medical libraries; Knowledge management; Principles of JLLF.

5. **KNOWLEDGE MAAIAGEEMIT benefits of intranets.**
Guenther, Kim; Braun, Ellen | Online | 2001-0625:3, | 16(5) | ISSN: 01465422 | LIBRARIES; INTRANETS (Computer networks); KNOWLEDGE management | Description: AN: 5034546 Discusses the usefulness of an intranet as the basis for knowledge management. Basis for intranet approaches to sharing knowledge; Disadvantages of the first generation intranet; Role of the intranet in providing a fabric for sharing and collaboration based on a central repository that acts as an authoritative source of organizational knowledge; Potential of libraries as a model of a knowledge sharing organization.

6. **Knowledge Management in the Library--Hot.**
Perez, Ernest | Database Magazine | 1999-0522:2, | 75(4) | ISSN: 01624105 | COMPUTER software; INFORMATION services; LIBRARIES; KNOWLEDGE management | Description: AN: 2681744 Focuses on the knowledge management in the library. What knowledge management is; Information on Request, a library management application of Itasca College Library in New York; Information Dispatch system of the Multnomah County Public Library in Portland, Oregon.

database workbench

Knowledge Management in the Library—Not

Ernest Perez
Oregon State Library

Knowledge management in the library...
Libraries, predictably, are grappling about this "Who is better qualified to manage knowledge than librarians?" Although many of us talk big about sending up to the planet project assignment create copies. "Oh, yes, one can" not every paper to have assembled.

THE EXPERIENCE GAP
One big problem is that most librarians don't really have much experience pertinent to knowledge management...
But we lack skills in the requisite information work, adding the found and knowledge, aggressively capitalizing upon our accomplishments.

Paparan artikel dalam format PDF



Pelawat Luar Negara Program MTCP - 8 Ogos 06

Panel-panel AKNC sedang meng'audit' 4 -5 September 06

Pameran Harta Intelek IPTA - 1 hingga 24 Ogos 06



Bengkel ILMU untuk Pustakawan Cawangan - 10 hingga 11 Ogos 06

Tazkirah PTAR - 29 September 06



Program Keranamu Malaysia; "Pendidikan & Kemerdekaan" - 29 Ogos 06



Audit Surveillance oleh Llyod's - 19 September 06

Pesta Buku UiTM - 1 hingga 4 Ogos 06



oleh : Ridzuan

Maklumat Staf

oleh Fauziah Mohamed



• KENAIKAN PANGKAT

Encik Hazani Bin Hamzah

Jawatan : Operator Mesin Prosesan Data, PTAR 1

Catatan : Operator Mesin Prosesan Data Tingkatan Kanan
Mulai 29/06/2006

Encik Katmidi Bin Mejo

Jawatan : Pembantu Perpustakaan, PTAR 1

Catatan : Pembantu Perpustakaan Tingkatan Kanan
Mulai 1/10/2006

Encik Abdul Fatah Bin Abdul Razak

Jawatan : Pembantu Perpustakaan, PTAR 1

Catatan : Pembantu Perpustakaan Tingkatan Kanan
Mulai 1/10/2006

Cik Norsafarina Bt. Mohd Yusoff

Jawatan : Jurutaip, PTAR 3

Catatan : Pegawai Kerani Mulai 3/07/2006

• STAF BARU LAPOR DIRI

Puan Norlydawati Bt Solori

Jawatan/Gred : Jurutaip (N11)

Penempatan : PTAR 3, Ganti Tempat Cik Norsafarina

Catatan : Laporan Diri 1/09/2006

Encik Shahrizal Akmar Bin Abdul Aziz

Jawatan/Gred : Pembantu Pemuliharaan (S17)

Penempatan : PTAR 1, Unit Jilid, Bhg. Pentadbiran

Catatan : Laporan Diri 18/09/2006

Cik Fadzilah Bt Mohd Ali

Jawatan/Gred: Pembantu Perpustakaan (S17)

Penempatan : PTAR 3, Ganti Tempat En Mohd Ridzuan Shaarani

Catatan : Laporan Diri 18/09/2006

• PERTUKARAN TEMPAT BERTUGAS

Pn. Rostinah Bt Mujir

Jawatan : Jurufoto , Bhg. Pentadbiran PTAR 1

Catatan : Penempatan baru di Perkhidmatan Maklumat, PTAR 1
mulai 01/06/2006

En. Md. Kamil Bin Ibrahim

Jawatan : Pembantu Perpustakaan, Bhg. Jurnal & Pangkalan Data,
PTAR 1

Catatan : Penempatan baru di Bhg. Perkhidmatan Pelanggan &
Pengurusan Koleksi, PTAR 1 Mulai 16/06/2006

En. Mohd. Khairul Idzwan Bin Mohd. Saad

Jawatan : Pembantu Perpustakaan, Bhg. Perkhidmatan Pelanggan &
Pengurusan Koleksi , PTAR 1

Catatan : Penempatan baru di Bhg. Jurnal & Pangkalan Data ,
PTAR 1 Mulai 16/06/2006

En. Razaman Bin Ramli

Jawatan : Pembantu Perpustakaan, Perpustakaan INTEC, Seksyen 17
Catatan : Penempatan baru di Bhg. Perkhidmatan Pelanggan &
Pengurusan Koleksi, PTAR 1 Mulai 1/08/2006

Puan Rosnah Bt. Hj Mohamed

Jawatan : Kerani, Bhg. Pentadbiran INTEC

Catatan : Penempatan baru di Perpustakaan INTEC, Seksyen 17
15/08/2006

• STAF BERKAHWIN



Nama : Siti Noraliza Bte Mokhlas

Jawatan : Jurutaip

Nama Pasangan : Razman B Mohd Shaari

Tarikh Perkahwinan : 6 Ogos 2006

Nama : Mohd Yazid B Yahaya

Jawatan : Juruteknik Komputer

Nama Pasangan : Azizah Bte Mahfudz

Tarikh Perkahwinan : 18 Ogos 2006



• CAHAYAMATA BARU



Pasangan Pn Aznur Umiza &
En Muhammad Zapuan

Nama Anak : Muhamad Adib

Tarikh Kelahiran : 24 Ogos 06



Pasangan Pn Nurul Diana &
En Mohd Azlan

Nama Anak : Adam Mukhriz

Tarikh Kelahiran : 10 September 06



Pasangan Pn Adlina & En Hasmadi

Nama Anak : Muhammad Syafi

Tarikh Kelahiran : 27 September 06



Pasangan Pn Noorhayati & En Hakasah

Nama Anak : Muhammad Danial

Tarikh Kelahiran : 9 Ogos 06

AJK InfoPinTAR 2006

Penasihat: Pn. Hajah Paiza bt. Idris. **Editor:** En. Haron Wee Ah Boo. **Penolong Editor:** Pn. Baimah bt. Bujang/En. Abdul Rashid b. Abdullah.

Bendahari: Pn. Nor Aziah bt. Abdullah. **Setiausaha:** Pn. Nurul Diana Jasni.

Wakil Bahagian

Unit Kualiti: Pn. Junaida bt. Kamarudin. **Bah. Perkhidmatan Maklumat:** Pn. Nurul Diana bt. Jasni. **Bah. Perkhidmatan Pelanggan dan Pengurusan Koleksi:** Cik Nurhayati bt. Hassan.

Bah. Pembangunan Bibliografik dan Pemprosesan Teknikal: Pn. Aznur Umiza bt. Abu Kassim. **Bah. Perpustakaan Fakulti:** Pn. Sakmah bt. Sarif.

Bah. Pembangunan Sumber Ilmu: Pn. Adlina bt. Abdullah. **Bah. Sistem dan Teknologi Maklumat:** En. Azizi b. Jantan. **Bah. Jurnal dan Pangkalan Data:** Pn. Hani Liza bt. Norfin.

Bah. Pentadbiran: Pn. Rosmah bt. Sulaiman. **Jurufoto/Pereka Grafik:** En. Mohd Ridzuan b. Atan@Mohamed.